



**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
BIL. 1 TAHUN 2025**

Semua Pegawai Pengawal,
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2025
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

KANDUNGAN

| | |
|---|-------|
| 1. TUJUAN..... | 2 |
| 2. ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS..... | 2 |
| 3. ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN..... | 3 |
| 4. PENGELUARAN WARAN PERUNTUKAN..... | 3 |
| 5. KAWALAN PERBELANJAAN DAN PEMANTAUAN PRESTASI | 4 |
| 6. BAYARAN BIL & TUNTUTAN | 4 - 5 |
| 7. PINDAH PERUNTUKAN | 5 |
| 8. WARAN SEKATAN | 5 |
| 9. PENUTUP | 6 |

1. TUJUAN

- 1.1 Adalah dimaklumkan bahawa sejumlah **RM1,519,800,000** telah diluluskan bagi anggaran Perbelanjaan Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan Tahun 2025, iaitu **RM981,800,000** untuk Perbelanjaan Mengurus dan **RM538,000,000** untuk Perbelanjaan Pembangunan.

2. ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 2.1 Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2025 dan Waran Am Bil. 2 Tahun 2025 bertarikh 6 Disember 2024 mengikut Subseksyen 13(2) dan 13(3) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi pengeluaran wang berjumlah **RM1,481,800,000** daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

| PERKARA | PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH (RM) |
|-------------------|----------------------|----------------------|
| Maksud Tanggungan | 50,200,000 | 1,481,800,000 |
| Maksud Bekalan* | 1,431,600,000 | |

* seperti diluluskan di bawah Enakmen Perbekalan 2025.

- 2.2 Pegawai Pengawal dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025 dan diminta mengawasi perbelanjaan mengurus di bawah kawalannya supaya tidak melebihi jumlah peruntukan yang telah diluluskan dalam anggaran tersebut.

3. ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

- 3.1 Kebenaran telah diberi melalui Waran Kumpulan Wang Pembangunan Bil. 1 Tahun 2025 bertarikh 6 Disember 2024 mengikut Seksyen 8 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) bagi pengeluaran wang berjumlah **RM538,000,000** daripada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai perbelanjaan bagi Maksud-Maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025.
- 3.2 Pegawai Pengawal dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025. Jumlah yang dikeluarkan bagi setiap Maksud atau Butiran pada setiap masa **tidak boleh melebihi** jumlah anggaran harga projek kecuali setelah mendapat **kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan**. Pembiayaan menggunakan Butiran lain di dalam Maksud yang sama boleh dilaksanakan melalui kaedah Pindah Peruntukan dengan **kelulusan Pejabat Kewangan Negeri (PKN)**.

4. PENGELUARAN WARAN PERUNTUKAN

- 4.1 Pegawai Pengawal dikehendaki mengeluarkan Waran Peruntukan Kecil kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah bidang kuasa masing-masing **sebelum atau pada 17 Januari 2025 (Jumaat)**. Jabatan / PTJ hendaklah memastikan peruntukan di bawah kod aktiviti dan kod perbelanjaan Objek Sebagai mencukupi sebelum sesuatu pembayaran dilakukan.

5. KAWALAN PERBELANJAAN DAN PEMANTAUAN PRESTASI

- 5.1 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dilaksanakan secara berhemat mengikut perancangan dan keutamaan.
- 5.2 Peruntukan yang disediakan bagi sesuatu Maksud Bekalan/ Pembangunan adalah siling perbelanjaan bagi tahun 2025. Sebarang perubahan perancangan dan perbelanjaan hendaklah ditanggung menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan tanpa peruntukan tambahan.
- 5.3 Bagi tanggungan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baharu, perbelanjaan hendaklah menggunakan peruntukan tahun semasa atau dilakukan secara *trade-off* dengan peruntukan sedia ada. Pegawai Pengawal hendaklah menyusun semula peruntukan mengikut keutamaan semasa.
- 5.4 Selaras dengan tujuan memastikan peruntukan penyelenggaraan dimanfaatkan sepenuhnya, Pegawai Pengawal tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan tersebut bagi membiayai aktiviti lain melainkan setelah mendapat kelulusan PKN terlebih dahulu.
- 5.5 Pegawai Pengawal perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan projek dapat disempurnakan pada tahun semasa dan dibayar mengikut jadual.

6. BAYARAN BIL DAN TUNTUTAN

- 6.1 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua bil dan tuntutan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang telah disempurnakan oleh pembekal/ kontraktor dijelaskan dalam tempoh **14 hari** daripada tarikh bil dan tuntutan yang lengkap diterima.

- 6.2 Semua bil dan tuntutan yang perlu dibayar di bawah maksud Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah dikemukakan ke PKN untuk kelulusan **sebelum 31 Mac 2025 (Isnin)**. Tarikh akhir pembayaran Arahan Perbendaharaan 58(a) yang diluluskan adalah pada **30 Mei 2025 (Jumaat)**.

7. PINDAH PERUNTUKAN

- 7.1 Proses pindah peruntukan dibenarkan mulai **1 Ogos 2025 (Jumaat) sehingga 31 Disember 2025 (Rabu)**. Permohonan pindah peruntukan sebelum tarikh yang ditetapkan melibatkan keperluan mendesak atau luar jangka hendaklah dikemukakan ke PKN untuk kelulusan.
- 7.2 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan Garis Panduan GP-PKN 001: Pindah Peruntukan dipatuhi sepenuhnya.

8. WARAN SEKATAN

- 8.1 Bagi memastikan kawalan terhadap peruntukan yang disalurkan, PKN berhak untuk mengambil tindakan Waran Sekatan.
- 8.2 Pegawai Pengawal diminta untuk memastikan segala perbelanjaan tidak melebihi daripada peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri terutama bagi bayaran yang mempunyai bayaran komitmen bulanan.

9. PENUTUP

- 9.1 Pegawai Pengawal diminta memberi perhatian serius terhadap pengurusan kewangan jabatan masing-masing serta memastikan teguran yang dibangkitkan di dalam laporan audit/ pemantauan diambil tindakan sewajarnya dan tidak berulang.
- 9.2 Pegawai Pengawal diingatkan supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti mana dijelaskan di bawah Seksyen 15A, Akta 61 dalam melaksanakan pengurusan perbelanjaan.
- 9.3 Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa dan mengambil tindakan tegas terhadap pegawai awam yang melakukan kesalahan seperti dinyatakan di bawah Seksyen 18, Akta 61.
- 9.4 Sebarang permohonan pengecualian bagi mana-mana perkara dalam Pekeliling ini hendaklah dikemukakan beserta justifikasi kukuh kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk pertimbangan.
- 9.5 Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAKI BIN MAHYUDIN)

Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 2 Januari 2025